

NO. SOALAN: 384

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

RUJUKAN : 8746

SOALAN:

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan adakah benar Kerajaan
memperkenalkan 'IC Khas' kepada pekerja-pekerja Bangladesh. Jika
benar, berapa kos yang ditanggung dan hasil yang diperolehi
Kerajaan.**

JAWAPAN:

Dakwaan yang menyebut bahawa Kerajaan akan memperkenalkan IC Khas ataupun Kad Pengenalan Khas kepada pekerja-pekerja asing termasuk pekerja dari Bangladesh merupakan kenyataan yang tidak berasas. Oleh itu, perlu diberi perhatian bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) hanya mengeluarkan kad pengenalan kepada orang-orang yang layak seperti mana yang diperuntukkan di dalam Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990.

Dalam hal ini, semua pekerja-pekerja asing termasuk warganegara Bangladesh yang masuk secara sah hanya akan dikeluarkan dengan Pas Lawatan (Kerja Sementara) oleh Jabatan Imigresen Malaysia bersertakan i-Kad semasa keberadaan mereka dalam Malaysia.